

07/10/2002

Asia perlu bersatu: PM (HL)

Kadir Dikoh; Ahmad Nadzim Jamaluddin

PUTRAJAYA, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak negara Asia bersatu menentang golongan tamak haloba yang kini menguasai ekonomi dan kewangan dunia menerusi Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Perdana Menteri juga mengingatkan negara Asia agar memperhalusi tafsiran sebenar globalisasi yang menjurus kepada satu cadangan golongan itu untuk mengeksploitasi kekayaan dunia.

"Mereka akan merosakkan dunia semata-mata bagi mendapat beberapa bilion dolar. Negara Asia mesti merumuskan penyelesaian sendiri untuk disesuaikan dengan keadaan itu.

"Negara Asia mesti pragmatik. Kita mesti berani berhadapan dengan cara kita sendiri. Jika mereka ikut, tak apa. Jika tidak, itu pun tak apa," katanya dalam ucap-tama pada jamuan sempena perasmian Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur di Hotel Marriott di sini, malam ini.

Sidang Kemuncak Asia Timur bertema "Memperbaharui Asas Pertumbuhan Asia: Membina Di Atas Kepelbagaian" yang diadakan selama tiga hari bermula hari ini, dihadiri lebih 800 peserta tempatan dan antarabangsa.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, masyarakat Asia perlu memastikan suara mereka didengari kerana tidak semua dari Barat baik terbukti apabila beberapa ideologi serta sistem yang diperkenalkan gagal.

Katanya, dunia kini harus kembali kepada bentuk perniagaan sebenar dengan menghentikan perjudian spekulatif di pasaran saham dan mata wang serta tidak membiarkan spekulator mendisiplinkan kerajaan atau mengikut telunjuk kuasa besar.

Beliau yang kecewa dengan apa yang berlaku dalam dunia perniagaan sekarang berkata, pasaran saham sepatutnya dijadikan tempat untuk menambah modal, bukan mencari keuntungan segera.

Perdana Menteri menegaskan dunia kini bagaikan kehilangan arah dan keadaan bertambah buruk selepas peristiwa 11 September sehingga menyukarkan pergerakan manusia disebabkan pemeriksaan keselamatan yang ketat.

Justeru, beliau mengajak dunia membaiki keadaan itu kerana banyak perniagaan yang dilakukan sekarang bukan berdasarkan perniagaan sebenar, tetapi berbentuk spekulatif.

Dr Mahathir berkata, usaha mendapatkan keuntungan segera menerusi jualan singkat, spekulasi dan manipulasi mata wang, memonopolikan perniagaan dunia harus dihentikan atau sekurang-kurangnya dikawal selia.

"Lupakan idea bahawa pasaran harus dikawal selia, harus mendisiplinkan kerajaan. Kerajaan tidak menjadi salah dan ia masih relevan," katanya menyindir kuasa Barat yang tamak.

"Kerajaan mempunyai insentif yang baik untuk melakukan yang betul untuk setiap orang termasuk yang miskin kerana mereka akan disingkirkan menerusi amalan demokrasi jika tidak memikirkan kebajikan rakyat.

"Pasaran adalah mengenai cara mengaut keuntungan, bukan menjaga rakyat dan negara, malah bukan mengenai perniagaan. Jalankan perniagaan yang betul. Hentikan perjudian di pasaran saham dan mata wang," katanya.

Beliau berkata, apa yang diminati dunia sekarang ialah mendapatkan wang dengan cepat menerusi kegiatan spekulasi dan manipulasi dengan golongan tamak haloba kini mengambil alih ekonomi dunia.

Katanya, golongan itu hanya dapat melihat keuntungan segera untuk diri mereka tanpa mempedulikan kesannya terhadap ekonomi sesebuah negara atau antarabangsa serta kesengsaraan rakyat.

Dr Mahathir berkata, menerusi spekulasi dan manipulasi seseorang spekulator dan pelanggan mereka boleh menjadi kaya raya, tanpa menghiraukan nasib pelabur biasa dalam sesebuah syarikat.

Katanya, ini berlaku kerana perniagaan kini tidak lagi berdasarkan pengeluaran barang atau perkhidmatan sebenar, sebaliknya hanya dijadikan alat untuk kegiatan spekulatif.

"Tiada syarikat baru dimulakan untuk mengeluarkan barang dan bekalan perkhidmatan. Syarikat semata-mata diambil alih menerusi gabungan dan pembelian. Jumlah wang yang besar dibayar," katanya.